

MAHATHIR ۞'۞'۞'

OLEH RACHMAN NORDIN

KUALA LUMPUR, 30 JAN. ¹⁹⁸¹ (BERNAMA) — MALAYSIA SEDIA MELATIH RAKYAT NEGARA-NEGARA ISLAM YANG MISKIN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BEKERJA DI NEGARA-NEGARA ISLAM YANG KAYA DAN MENGHASILKAN MBUHAN UNTUK NEGARA MEREKA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TERDAPAT RAKYAT SETENGAH-SETENGAH NEGARA ISLAM MISKIN YANG TIADA LANGSUNG MATA PENCARIAN DAN MALAYSIA YAKIN INI BOLEH DIATASI DENGAN MEMBERIKAN MEREKA LATIHAN, KATANYA.

DIANTARA LATIHAN YANG BOLEH DISEDIAKAN OLEH MALAYSIA IALAH DALAM BIDANG PEMBINAAN TEKNOLOGI LAIN. KATANYA.

16
DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN IKRAR MALAYSIA UNTUK MEMBEBAKAN PALESTIN DARI ISRAEL TIDAK SEMESTINYA DENGAN MENGHANGTAR TENTERA TETAPI DARI SEGI MENINGKATKAN KECEKAPAN RAKYAT PALESTIN UNTUK PERJUANGAN ITU.

BELIAU BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PENGKALAN TUDM DI SINI SEKEMBALINYA DARI MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA DI PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI TAIF, ARAB SAUDI. —BERSAMBUNG 1928/BY

3617

MAHATHIR-BANTUAN 2 KUALA LUMPUR

DITANYA TENTANG REAKSI NEGARA-NEGARA PESERTA SIDANG ITU TENTANG TAWARAN MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGETAHUI REAKSI MEREKA KERANA TAWARAN ITU DIBUAT DALAM BENTUK KENYATAAN SAHAJA KERANA KESUNTUKAN MASA.

BAGAIMANAPUN DALAM PERCAKAPAN BELIAU DENGAN KETUA-KETUA KERAJAAN YANG HADIR, MEREKA MENGALU-ALUKAN TAWARAN ITU, KATANYA.

MENGULAS TENTANG PERANAN MALAYSIA SEBAGAI PENDAMAI IRAN DAN IRAQ, DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA KEDUA-DUA PIHAK SANGGUP MENERIMA PENDAPAT PIHAK KETIGA YANG BERKECUALI, MUNGKIN BOLEH DIWUJUDKAN ASAS UNTUK BERUNDING.

MALAYSIA, KATANYA, BOLEH MENDENGAR KEPADA KEDUA-DUA PIHAK KERANA NEGARA INI TIDAK MEMIHAK KEPADA IRAN ATAU IRAQ DAN BERPEGANG KEPADA PANDANGAN YANG BERKECUALI SAMA-SEKALI.

NEGARA INI PERCAYA, JAWATANKUASA PENDAMAI ENAM NEGARA YANG MALAYSIA MENJADI SALAH SEBUAH NEGARA ANGGOTANYA IALAH PIHAK KETIGA YANG BERKECUALI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PIHAK KETIGA BERKECUALI YANG PALING SESUAI SEKALI IALAH PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM SENDIRI (OIC). —BERSAMBUNG 1935/BY

B619

MAHATHIR-BANTUAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA BELUM LAGI MENETAPKAN BERAPA JUMLAH SUMBANGAN KEPADA TABUNG TINDAKAN BERSAMA ISLAM (ISLAMIC CONSOLIDATION FUND) TETAPI MENYOKONG PENUBUHANNYA. INI DISIFATKANNYA SEBAGAI KEJAYAAN BESAR SIIANG PUNCAK.

SUMBANGAN MALAYSIA AKAN BERDASARKAN KEMAMPUANNYA, KATA BELIAU.

TABUNG ITU BERMODAL AS\$3,000 JUTA DAN ARAB SAUDI SERTA NEGARA-NEGARA AMIRIAH ARAB BERJANJI MENYUMBANG AS\$2,000 JUTA, KATANYA.

CARA WANG DARI TABUNG ITU HENDAK DIGUNAKAN MASIH LAGI DIKAJI OLEH PARA MENTERI LUAR DAN SEKRETARIAT ISLAM TETAPI DENGAN ADANYA TABUNG ITU, MALAYSIA PERCAYA SOAL MODAL TIDAK TIMBUL LAGI DALAM KERJASAMA SESAMA NEGARA ISLAM.

DITANYA APAKAH KESAN YANG PALING PENTING DARI SIDANG PUNCAK TAIF ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESAN ITU IALAH PENERIMAAN DASAR TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGERI SESEBUAH NEGARA ITU. INI ADALAH SATU PETANDA YANG BAIK.

CAMPURTANGAN ASING DALAM MASALAH DALAM NEGERI NEGARA-NEGARA DALAM PUNCA PERTIKAJAN BERLAKU DAN DENGAN PENEKANAN TENTANG DASAR TIDAK CAMPUR TANGAN INI, MASALAH YANG SERING TIMBUL ANTARA NEGARA-NEGARA AKAN DAPAT DIKURANGKAN.

MALAYSIA DUKACITA SEDIKIT ATAS KETIDAK-HADIRAN IRAN DI SIDANG PUNCAK ITU DAN DENGAN ITU SIDANG HANYA DAPAT MENDENGAR CERITA DARI PIHAK IRAQ SAHAJA. —BERMAMA 2015/44